



JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
Bahagian Pendaftaran dan Piawaian
Aras 5, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-88706651
Faks: 603-88706856
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj Kami: JPT/BPP(K)1000-753Jld3 (18)
Tarikh : 21 Disember 2016

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN MENGENAI PEMANSUHAN MESYUARAT SARINGAN AWAL KURSUS PENGAJIAN/PROGRAM BAHARU

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 3/2016 telah memutuskan bahawa proses saringan awal kursus pengajian/program baharu dimansuhkan.
3. Sehubungan itu, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang berhasrat untuk menawarkan kursus pengajian/program baharu hendaklah mengemukakan permohonan terus ke Unit Pendaftaran, Bahagian Kordinasi dan Rujukan Jaminan Kualiti, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Panduan penyerahan permohonan boleh dirujuk melalui portal MQA (www.mqa.gov.my).
4. Seterusnya, permohonan program baharu yang telah mendapat sokongan daripada MQA perlu dikemukakan ke Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) untuk mendapatkan kelulusan untuk mengendalikan kursus pengajian/program tersebut berdasarkan penetapan dasar-dasar semasa serta selaras dengan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). **Pelaksanaan keputusan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017.**
5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil perhatian yang sewajarnya berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATUK PROF. DR. ROZIAH BINTI OMAR)
Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi (IPTS)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k.

1. Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia
2. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
3. Pengarah
Bahagian Governan IPTS
4. Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat
Jabatan Pendidikan Tinggi
5. Pengarah
Bahagian Pendaftaran dan Piawaian
Jabatan Pendidikan Tinggi